

**Jangan
salahgunakan
profesion
perundangan!**

BH 16 NOV 1985

Ucapan Perdana Menteri, **DATUK SERI DR MA-HATHIR MOHAMAD**, merasmikan Persidangan Undang-undang Ke-8 di Kuala Lumpur pada 14 November, 1985.

SEBAGAI permulaan, ingin saya mengucapkan tahniah di atas usaha anda mengadakan persidangan ini. Persidangan undang-undang adalah tempat profesion perundangan menumpukan perhatian terhadap keadaan undang-undang dan sistem perundangan.

Undang-undang tidak statik dan tidak wujud dalam satu kekosongan. Ia diwujudkan untuk berkhidmat dan memenuhi keperluan-keperluan masyarakat yang luas dan berbeza.

Perbincangan teliti mengenai undang-undang dan perlaksanaannya adalah perlu, bukan sahaja untuk memastikan tujuan undang-undang itu dilaksanakan, tetapi memastikan fungsinya juga dipenuhi.

Persidangan undang-undang juga memberi peluang bertukar-tukar pendapat yang boleh digunakan untuk merumuskan undang-undang baru bagi memenuhi keperluan-keperluan masyarakat yang berubah dan tuntutan negara yang dinamik.

Saya sedar salah satu dari tema persidangan ini ialah mengenai struktur sistem perundangan. Saya yakin tema ini akan menimbulkan perbincangan hangat. Saya juga yakin bahawa anda seperti juga saya, berharap bahawa lebih banyak cadangan bernas akan ditimbulkan.

Keadilan dan peraturan undang-undang tidak akan memberi makna selagi tidak wujud satu sistem perundangan yang mampu menukar falsafah-falsafah kepada langkah-langkah berkesan, yang boleh menukar pandangan sosial kepada kenyataan sosial.

Kita bernasib baik kerana hakim-hakim kita adalah lurus dan jujur. Sebahagian besar mahkamah di kebanyakan negara, seseorang dianggap sebagai bersalah sehingga ia dibuktikan — berpengaruh. Kita bernasib baik kerana mempunyai pekerja-pekerja yang mempunyai kemampuan profesional dan kejujuran yang tinggi.

Bagaimanapun, kita juga mempunyai kelemahan-kelemahan yang agak ketara, walaupun tidak unik.

Proses undang-undang kita terlalu lambat pada masa-masa tertentu sehingga setengah pihak menganggapnya sebagai proses undang-undang yang "ketinggalan zaman".

Keadilan yang tergendala ialah keadilan yang dinafikan dan keadilan yang terlalu lambat ialah "ketakadilan yang dilarang". Kita tidak boleh menganggap penangguhan keadilan sebagai satu fenomena dunia.

Kita sepatutnya berusaha memperbaikinya. Punca penangguhan itu pula tidak harus diletakkan kepada hakim-hakim. Kesilapan itu perlu ditanggung oleh kedua-dua pihak.

Kelambatan ialah satu jenayah. Kelewatan undang-undang secara senjaga, dengan apa cara sekalipun, hanya akan membawa kepada ketakadilan dalam jangka masa panjang.

Pertembungan haluan

Setiap sistem perundangan boleh dilaksanakan dengan berkesan dan cekap, sekiranya semua pengamal perundangan mengikut kedua-dua peraturan permainan yang bertulis dan yang tidak dinyatakan.

Kerjasama, bukan pertembungan haluan, di kalangan semua ahli profesional dalam sistem perundangan kita, khususnya antara mereka dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman, dan juga Majlis Peguam, adalah penting.

Setiap pemain yang terbabit dengan sistem itu mesti menghormati dan memahami masalah satu sama lain.

Dalam undang-undang seperti di bahagian-bahagian lain dalam masyarakat, tidak ada tempat untuk bersikap angkuh. Keangkuhan tanda kelemahan, bukan kekuatan. Saya ingin menambah bahawa keangkuhan tidak digunakan oleh sesiapa dalam kedudukan kuasa.

Seringkali keangkuhan menunjukkan

dengan jelas keinginan seseorang untuk mendapatkan kuasa atau pengaruh.

Tindakan membabitkan diri dalam perbalahan awam adalah tindakan yang tidak menunjukkan ketenangan, keadilan atau kedewasaan. Dalam masyarakat Malaysia, seseorang tidak akan meludah ke mata seorang dan berharap dia akan menukar fikiran atau tunduk kepada kelebihan kebijaksanaan anda.

Ini ialah Malaysia. Falsafah dan nilai-nilainya tidak sama dengan negara-negara dari mana kita meminjam sistem itu.

Dari kajian teliti yang dijalankan ke atas negara-negara itu, kita dapati mereka hanya bersikap 'liberal' apabila orang lain yang membayar. Sebaik sahaja mereka membayar harganya, tiba-tiba perbalahan-perbalahan baru ditimbulkan.

Benarkan saya bercakap mengenai satu tema lain: profesionalisme, penindasan dan kejujuran. Saya mendapati salah satu topik untuk persidangan ini ialah persoalan mengenai bayaran perkhidmatan.

Setengahnya lebih suka jika peguam-peguam bercakap soal perkhidmatan dulu kemudian baru bayaran. Bagaimanapun, hakikatnya ialah belum ada persidangan awam mengenai mutu perkhidmatan perundangan yang disediakan oleh peguam-peguam di negara ini atau persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kecekapan mereka.

Satu hari nanti, anda mungkin berminat mengadakan satu perbincangan di kalangan anda mengenai sama ada peguam-peguam menjelaskan perkhidmatan mereka sepenuhnya seperti yang disyaratkan di bawah Akta Pekerjaan Perundangan 1976.

Bertanggungjawab

Peguam adalah seorang profesional. Seorang "profesional" mestilah seorang yang mahir, bertanggungjawab kepada masyarakat dan menyerahkan sepenuhnya khidmat

mereka untuk kepentingan pelanggan.

Walaupun Parlimen telah menetapkan peraturan bahawa undang-undang dibuat meliputi pelbagai perkara bagi melindungi pelanggan, ahli-ahli profesional dibiarkan menyusun diri mereka sendiri.

Setengah pihak berpendapat cara begitu lebih baik kerana masyarakat tidak memahami sepenuhnya tindakan ahli profesional dan tidak dapat menilai keputusan-keputusan mereka.

Sekiranya masyarakat benar-benar tidak memahami pekerjaan ahli profesional, ahli profesional sendiri seharusnya menetapkan taraf yang boleh memberi perkhidmatan dan manfaat kepada masyarakat.

Membenarkan mereka membuat peraturan sendiri bermakna profesional boleh menetapkan tahap-tahap kemahiran, mengkaji paras-paras kecekapan, menetapkan harga yang adil untuk perkhidmatan profesional, untuk menyebarkan dan menguatkuasakan undang-undang etik dan moral yang sesuai, dan menuhkan satu badan disiplin yang berkesan.

Mereka juga diharapkan menyusun program-program kajian untuk memastikan masyarakat tidak dipergunakan.

Kesimpulannya, ahli-ahli profesional menyusun diri mereka dengan dua matlamat: untuk memastikan pekerjaan itu tidak tercemar, dan memastikan ia menaikkan minat masyarakat.

Terpulang kepada anda semua untuk menyoal diri anda mengenai penyusunan ahli profesional — sebelum orang lain menyoalkannya. Terpulang kepada anda untuk menyoal diri anda sama ada matlamat-matlamatnya sudah dicapai — sebelum orang lain berbuat demikian.

Saya bimbang, umumnya ahli profesional Malaysia masih belum berjaya mengekalkan tahap yang diharapkan. Badan-badan profe-

sional nampaknya lebih berjaya dalam memastikan satu "kedai tertutup", satu monopoli.

Oleh itu, kepentingan-kepentingan ahlinya lebih diutamakan daripada kepentingan orang ramai dan juga negara. Umpamanya, mereka mengekalkan keadaan kekurangan bekalan ahli profesional supaya permintaan akan melebihi penawaran.

Sebarang monopoli dalam situasi sedemikian akan mampu bertindak mengikut kehendak mereka. Oleh itu, adalah tidak menghairankan mengapa badan-badan profesional dapat mengekalkan taraf hidup yang tinggi di kalangan anggotanya.

Ahli-ahli profesional Malaysia adalah rakyat yang kaya, sehinggakan setiap ahli profesional yang baru menceburi bidang itu sudah pasti menerima bayaran yang tinggi. Bagaimanapun, tidak semua ahli profesional di negara-negara lain mengalami nasib yang sama.

Kurang memuaskan

Saya berpendapat kita sepatutnya mengepikan gelaran-gelaran yang diberikan oleh masyarakat yang mungkin iri hati atau marah terhadap mereka. Bagaimanapun, ada juga kekecewaan yang timbul akibat perkhidmatan yang kurang memuaskan, layanan peguamcara yang tidak profesional, memperdagangkan undang-undang dan ketakcekapan.

Kita semua sedar kejahilan terhadap undang-undang tidak boleh dijadikan alasan. Setengah-setengah peguam berpendapat kejahilan itu tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak mempraktikkannya.

Saya percaya dalam sebarang perbincangan mengenai profesionalisme, kepentingan kejujuran dan kepercayaan harus ditimbulkan. Memberi perkhidmatan yang tidak memuaskan kepada pelanggan adalah satu bentuk ketidakjujuran. Walaupun ia bukan kesalahan jenayah, tetapi ia adalah kesa-

lahan moral.

Dalam amalan perundangan, ketidakjujuran adalah satu kecelakaan besar, kerana ia sering membabitkan nyawa dan masa depan pelanggan. Saya tahu tugas anda sukar dengan adanya pelanggan-pelanggan yang tidak jujur. Ramai yang hanya menggunakan peguam untuk menasihatinya mengenai apa yang ingin dilakukan, bukan meminta nasihat mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan.

Ahli-ahli profesional tidak boleh mengasingkan diri daripada rasuah masyarakat dan ketidakjujuran di sekeliling mereka, tetapi mereka mesti mencuba. Dan disebabkan kedudukan mereka dalam masyarakat, saya percaya balasan untuk peguam-peguam yang tidak jujur haruslah lebih berat daripada rakan-rakan mereka dalam bidang perniagaan.

Mencari alasan

Ahli-ahli profesional sepatutnya bersikap objektif dan adil. Kedua-dua sikap itu akan hilang sekiranya seorang ahli profesional terabit secara emosi.

Sebagai seorang doktor, saya tahu kita sering mencari alasan untuk tidak merawat anak-anak kita dan mereka yang bersaudara dengan kita. Kita mesti menganggap penilaian kita akan terjejas.

Peguam juga menghadapi masalah yang sama. Mereka tidak seharusnya membabitkan diri secara emosi dengan pelanggan mereka.

Kepercayaan dan perasaan mereka mesti dikawal dan diasingkan daripada pelanggan. Jika tidak, pelanggan-pelanggan akan hanya menjadi bahan pembiakan atau pengekal kepercayaan peguam itu sendiri.

Apabila ini berlaku, kepentingan pelanggan tidak lagi diutamakan dan akhirnya pelanggan hanya membayar kerana kegemilangan peguamnya. Saya ingin menambah bahawa kebelakangan ini kita ada melihat beberapa perbuatan seumpama itu.

Demokrasi ditakrifkan sebagai kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Tetapi, kesimpulan mudah itu tidak bermakna ia mudah dilaksanakan. Kecuali di beberapa negeri kecil, penguasaan sepenuhnya oleh rakyat adalah mustahil. Jadi sudah tentu kepakaran dalam melaksanakan fungsi dan pembahagian kuasa perlu diadakan.

Begitu pun, kita tidak boleh mengharapkan supaya demokrasi dilaksanakan dengan sempurna. Kecenderungan kepada anarki yang timbul daripada pertambahan kuasa-kuasa demokratik mesti dihalang oleh kewujudan badan yang mencukupi dalam kerajaan. Demokrasi bukannya mudah.

Kebelakangan ini, pusat-pusat kuasa yang baru telah muncul. Kemunculan pelbagai jenis kumpulan pendesak bukan sahaja mencaharkan pihak berkuasa yang ada sekarang, tetapi juga mendakwa mempunyai kuasa yang tidak sepatutnya ada pada mereka.

Reaksi pihak berkuasa terhadap cabaran-cabaran itu ialah sama ada menjadi semakin menindas atau mengabaikan tanggungjawab mereka. Tindakan kedua akan menyebabkan berlakunya anarki yang seterusnya akan menarik perhatian kuasa-kuasa yang berminat merampas kuasa.

Sekiranya ia berlaku, perampas akan memubarkan penggunaan sistem demokrasi dan menggunakan sistem penindasan bagi membolehkan mereka terus berkuasa. Kedua-dua cara, sebarang ancaman kepada pihak berkuasa di sebuah negara demokrasi akan membawa kepada penindasan atau kehancuran demokrasi.

Kita telah melihat ia berlaku di terlalu banyak negara dan kita tidak boleh memandang sepi perkara ini. Sekiranya demokrasi ingin dikekalkan, had-had kebebasan mesti dipatuhi. Imbangan kuasa antara pihak berkuasa, eksekutif dan hakim mesti dipatuhi. Ucapan-ucapan bebas dan kebebasan akhbar tidak bermakna kebebasan sepenuhnya.

Golongan minoriti juga tidak mempunyai hak-hak sepenuhnya. Kumpulan-kumpulan pendesak perlu tahu bila mereka patut berhenti.

Sekiranya ini difahami dan dipatuhi, baru lah demokrasi akan hidup.

Gangguan berbahaya

Sekiranya cabaran-cabaran yang tidak bertanggungjawab dilemparkan kepada pihak berkuasa, ia akan membawa kepada gangguan yang berbahaya dan berterusan, dan ini akan membahayakan demokrasi.

Sebaik sahaja demokrasi dimusnahkan, harga yang perlu dibayar untuk pemulihannya amat tinggi, malah ia mungkin tidak dapat dipulihkan.

Satu bidang lagi yang saya rasa perlu disentuh, iaitu undang-undang diwujudkan bagi memenuhi keperluan.

Disebabkan pihak berkuasa dan penasihat undang-undang tidak sempurna, begitu juga dengan undang-undang yang diwujudkan. Semangat atau sebab undang-undang diadakan lebih penting daripada aspeknya.

Bagaimanapun, pada masa ini aspek undang-undang lebih diutamakan. Begitulah halnya dengan perintah sementara mahkamah.

Ada kes memerlukan perintah sementara mahkamah bagi memelihara keadilan. Tetapi perintah sementara bukanlah alat untuk menggagalkan undang-undang atau untuk menggagalkan yang benar dan salah.

Begitu pun, kita masih dapat melihat pelbagai contoh perintah sementara di saat akhir yang bertujuan menggagalkan tindakan-tindakan yang sah.

Secara teknikal, orang perseorangan mampu mendapatkan tebusan dari syarikat-syarikat besar yang mempunyai ratusan ribu atau berjuta ahli. Dan wang tebusan itu mesti ditunaikan. Ini seterusnya menggalakkan orang lain untuk mencuba.

Kesannya, penggunaan hak ini menyebabkan ketidakadilan kepada ramai mangsa yang tak bersalah. Adakah ini yang dimaksudkan dengan undang-undang?

Penggunaan perintah sementara adalah sah dan perlu, tetapi seperti semua undang-undang, ia tidak patut disalahgunakan. Perbuatan itu akan hanya membawa undang-undang ke lembah kehinaan dan harga yang perlu dibayar untuk itu adalah besar.

Saya mengucapkan selamat berjaya dalam perbincangan anda dan saya dengan sukacitanya mengumumkan Persidangan Undang-undang ini dibuka dengan rasminya.